

Headline	Rekreasi pada hujung minggu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	29	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	436 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nizha Periaswamy	AdValue	RM 3,791
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,373



# Rekreasi pada hujung minggu

Oleh NIZHA PERIASWAMY

**MENJELANG** hujung minggu, ramai antara kita khususnya warga kota mencari-cari aktiviti yang bermanfaat bagi mengisi masa dan waktu senggang.

Di Malaysia terutamanya di Lembah Klang terdapat pelbagai aktiviti dan acara hujung minggu disediakan, khas untuk remaja, ibu bapa dan anak.

Antara aktiviti mingguan yang dianjurkan secara konsisten kepada awam secara terbuka, sama ada dengan atau tanpa bayaran.

## ■ Berbasikal di Publika

Kompleks beli-belah Publika menawarkan pengunjung dengan aktiviti rekreasi berbasikal pada hujung minggu dipanggil Wheelie Sundays.

Ia merupakan aktiviti sihat dan penuh keseronokan di litar bebas trafik setiap hari Ahad.

Jika anda tidak mempunyai basikal, usah bimbang kerana Publika menawarkan pelbagai jenis basikal secara percuma.

## ■ Melawat KL menaiki bas

Jika anda mahu bersiar-siar di ibu kota Kuala Lumpur tanpa memandu sendiri, perkhidmatan bas Hop-On Hop-Off satu pilihan bijak.

Anda boleh melawat beberapa lokasi pelancongan tanpa perlu risau mengenai kesesakan jalan raya, bayaran parkir kereta atau dikenakan saman.

Daripada lokasi seperti Muzium Negara, Kompleks Kraf, Muzium Seni, Taman Tasik Titiwangsa, Taman

PUSAT beli-belah menawarkan pelbagai aktiviti menarik terutamanya pada hujung minggu.

Orkid hinggalah ke Taman Rama-rama, pelbagai lokasi menarik tersenarai sepanjang hentian bas Hop-On Hop-Off.

## ■ Hayati keindahan alam

Masih banyak lokasi di sekitar Lembah Klang yang menawarkan keindahan alam yang sesuatu untuk bersantai dan berekreasi.

Taman Botani Putrajaya adalah antara destinasi pilihan popular pencinta alam.

Selain itu, satu lagi lokasi hijau di Kuala Lumpur ialah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang menawarkan pelbagai aktiviti antaranya merentas hutan dan berbasikal.

## ■ Pameran-pameran seni

Jika anda seorang yang gemarkan seni lukisan dan arca, singgahlah ke lokasi seperti Galeri Petronas dan Balai Seni Lukis Negara.

Selain itu, semakin banyak muzium di Malaysia yang mempelbagaikan bahan pameran mereka dengan tema yang unik dan menarik.

PERKHIDMATAN bas Hop-On Hop-Off boleh menjadi pilihan anda untuk bersiar-siar di ibu kota.

## ■ Aktiviti di pusat beli-belah

Siapa bilang jika ke pusat beli-belah anda harus membeli-belah.

Hakikatnya pusat-pusat beli-belah juga menawarkan pelbagai aktiviti terutamanya pada hari perayaan atau sambutan tertentu.

Ada pertandingan bayi comel, memasak, karaoke, hiasan, peragaan fesyen dan banyak lagi.



Untuk mendapatkan maklumat mengenai kelebihan mengiklan dalam Kosmo!, sila hubungi pasukan pengiklanan Kosmo! di talian 03-7956 3355